

TERKINI UTAMA & SENSASI



By Mohd Arshad 14/07/2022 0 24

Mungkin ada yang masih belum menyedari mengenai kewujudan Program Klinik Cukai oleh Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia (LHDNM) yang disiarkan di Bernama Radio.

Ikuti Mynewshub: [Telegram](#)

Jika ada yang berpandangan program itu sama seperti program ceramah lain retorik dan membosankan ternyata mereka silap. Rugi jika tidak mengikutinya.

recommended by [mgid](#)

Penulis berani katakan ini adalah sebuah program yang jujur oleh LHDNM dalam memberi manfaat kepada orang ramai khususnya golongan pembayar cukai.

Program ini bukan sekadar program untuk meminta, menggalakkan, memujuk orang ramai supaya menjalankan tanggungjawab sebagai pembayar cukai.

Sebaliknya Program Klinik Cukai ini banyak memberi ilmu pengetahuan, berkongsi "case study" dan juga pendedahan yang sebelum ini tidak diketahui mengenai cukai.

Sebagai contoh, Program Klinik Cukai baru-baru ini membincangkan tajuk "Apa perlu dilakukan sekiranya ada

tunggakan cukai? Jom luaskan ilmu cukai anda tentang "Tip Elak Tuntutan Mahkamah Jika Ada Cukai Tertunggak"

Hairan bukan. LHDNM yang bertanggungjawab menguatkuasakan percukaian mengajar orang ramai mengenai cara untuk mengelak tuntutan mahkamah jika ada cukai tertunggak.

Mahu tahu mengapa mengapa jangan lupa untuk ikuti Program Klinik Cukai.

Sebelum itu, Program Klinik Cukai membincangkan tentang perkara berkaitan Surat Penyelesaian Cukai dan Kepentingannya Kepada Pekerja Tamat Perkhidmatan.

Perkara ini memang suatu topik yang amat penting kerana semua orang sudah tentu mahu tahu perkara berkaitan cukai membabitkan diri mereka selepas bersara.

Sebelum ini kita hanya mendengar cakap-cakap kawan atau sedara mara yang tidak diketahui kesahihannya, maka melalui Program Klinik Cukai segala persoalan akan terjawab.

Justeru, ambillah kesempatan daripada Program Klinik Cukai yang diberikan secara percuma itu untuk anda menjadi seorang yang berpengetahuan tentang cukai.

Menjadi seorang yang berpengetahuan tentang cukai sangat besar manfaatnya kerana ia akan memberi kelebihan pada ketika pengetahuan itu sangat diperlukan.

-Mynewshub

